



**IKLAN JAWATAN KOSONG
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A) DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI YANG BERKELAYAKAN TERMASUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN

1. **JAWATAN** : **PEGAWAI TEKNOLOGI PENDIDIKAN**
2. **BAHAGIAN** : **II**
3. **TANGGA GAJI** : **UB.1 EB.2 (\$2,450 - \$4,240) atau UB.1 (\$2,450 - \$3,760)**
4. **KEKOSONGAN** : **1 KEKOSONGAN**

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian ugama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

BAGI TANGGA GAJI UB.1 EB.2:

b. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Pendidikan atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan.

BAGI TANGGA GAJI UB.1:

b. i) Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (*Higher National Diploma*) dalam bidang Teknologi Pendidikan atau Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dalam tangga gaji C.3 atau tangga gaji sebanding dalam jawatan yang berkaitan tidak kurang dari lima (5) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari tujuh (7) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Sedang berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dalam tangga gaji C.3 atau tangga gaji sebanding tidak kurang dari sembilan (9) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

c. Mempunyai pengalaman dalam penggunaan E-learning Platform atau bidang graphic dan design / video production adalah kelebihan.

d. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian

Prestasi di tahap **CEMERLANG** dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah kelebihan.

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- a. Mempunyai pengetahuan dalam pelbagai jenis peralatan alat pandang dengar (media elektronik dan bukan elektronik) dan juga perkakas tambahan (*accessories*) untuk penerbitan dan percetakan, pengajaran, penyelidikan dan persembahan.
- b. Memastikan pemeliharaan dan pembaikan kesemua jenis peralatan alat pandang dengar untuk penerbitan dan percetakan, pengajaran, penyelidikan dan persembahan.
- c. Memberikan khidmat nasihat dalam mereka-bentuk bahan-bahan sumber pengajaran dan pembelajaran (seperti dalam penerbitan audio, video dan multimedia) dan percetakan.
- d. Merancang, menerbitkan dan menghasilkan program-program video, membuat salinan dan suntingan atas permintaan pengguna.
- e. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa apabila diperlukan.